

D534

U B687 DEB

MAHATHIR - MCA

DARIPADA MUSA SCULLY

HANGZHOU 25 NOV. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SRI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA DI SINI MALAM INI BAHAWA MCA HENDAKLAH MENUNJUKKAN DIRINYA SEBAGAI SEBUAH PARTI YANG BENAR-BENAR KUAT DAN BUKAN BERPECAH-BELAH.

SEMASA BERCAKAP SEBAGAI Pengerusi Barisan Nasional di sini, beliau berkata, selepas keputusan pemilihan itu, +MCA hendaklah meletakkan dirinya dalam kedudukan yang benar-benar kuat dan bukan alang-alang.+

Sambil memberi tahniah kepada Encik Tan Koon Swan atas pemilihannya sebagai Presiden MCA yang kelima, Perdana Menteri menyakatan bahawa ia adalah satu kemenangan yang jelas yang tidak boleh diperosalkan.

Encik Tan Koon Swan mengalahkan Datuk Dr. Neo Yee Pan dengan kelebihan 1906 undi bagi jawatan presiden parti itu semalam. Barisan calonnya menyapu bersih semua jawatan dalam parti itu.

Mengenai menteri-menteri MCA dalam kabinet yang telah hilang kedudukan mereka dalam parti itu, beliau berkata kedudukan mereka tidak tertakluk kepada perkara-perkara parti. Katanya, ia adalah didasarkan kepada perkara-perkara lain. -- LAGI
2151MST 25 11 85

D535

U B688 DEB

MAHATHIR - MCA 2 HANGZHOU

SEMASA DI MINTA mengulas mengenai laporan tawaran Encik Tan Koon Swan kepada Puaq Datuk Dr. Neo dan Mak Hon Kam supaya menyertai jawatankuasa kerja pusat parti itu, Datuk Sri. Dr. Mahathir berkata:

+ MASIH TERTALU AWAL BAGI PIHAK YANG KALAH UNTUK MENERIMANYA. PADA MASA INI MEREKA SEDANG MERASA KECEWA.+

BELIAU BERKATA IA AKAN MENGAMBIL MASA BAGI KOMUNITI CINA TAMPIL MEMBERI SOKONGAN SEPENUHNYA KEPADA MCA.

KATANYA, DALAM POLITIK ADA YANG MENANG TETAPI TIDAK DAPAT SEMUANYA DAN YANG KALAH BUKAN KEHILANGAN SEGALA-GALANYA. BAGAIMANAPUN YANG MENANG TIDAK BOLEH MENGAMBIL SEGALA-GALANYA.

+ INI ADALAH KERANA PIHAK YANG KALAH MEMPUNYAI HAK UNTUK BERSUARA KERANA MEREKA JUGA MEMPUNYAI PARA PENYOKONG.+ KATA DATUK SRI DR. MAHATHIR.

MENGENAI MASA DEPAN PARTI ITU DAN SEKIRANYA IA AKAN TERUS BERSATU DI BAWAH KEPIMPINAN BARU, BELIAU BERKATA, IA BERGANTUNG SAMA ADA PARA PEMIMPIN BOLEH BERTOLAK ANSUR ATAU SEBALIKNYA. -- BERNAMA
2154MST 25 11 85